"Jom kita mencari sarapan di ladang sana," ajak Rerama Biru kepada rakan-rakannya. Nilai murni: setia kawan

"Baiklah, kami juga sudah lapar. Lagipun, petang semalam hujan turun dengan lebatnya. Kami tidak dapat mencari manisan daripada bunga-bunga di sana," kata Rerama Kuning mewakili rakan-rakannya yang lain.

Mereka pun terus terbang bersama-sama menuju ke ladang bunga di kaki gunung. Apabila tiba di sana, keadaan sudah berubah.

"Eh, bunga-bunga di sini semakin sedikit! Dua hari lepas, keadaannya tidak seperti ini," kata Rerama Biru.

"Tidak mengapa. Selepas menghisap madu, kita boleh menolong bunga-bunga ini menyebarkan debunganya ke sekitar kawasan ladang ini," kata Rerama Merah.

"Baiklah. Mari kita mulakannya bersama-sama," ajak Rerama Biru.

Mereka pun sibuk terbang ke merata-rata tempat di kawasan ladang tersebut. Beberapa minggu kemudian, ladang tersebut mulai cantik dan berwarna-warni dengan pelbagai jenis bunga. Bekalan manisan untuk mereka pun bertambah.



Nilai murni

Baik hati

Bekerjasama

Kerajinan

Semangat bermasyarakat

LIVEWORKSHEETS